



SABAH, MALAYSIA
Warta Kerajaan
KELUARAN KHAS

Diterbitkan dengan kuasa

Jil. LXXXI]

KOTA KINABALU, JUMAAT, 13 MAC 2026

[No. 11

Kenyataan-kenyataan berikut adalah diterbitkan atas perintah Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri untuk Makluman Umum.

DATUK SERI PANGLIMA SR. HAJI SAFAR BIN UNTONG,
Setiausaha Kerajaan Negeri.

No. 90

[No. DUNS:(S) 600-8/1 Jld.2/(108)

DEWAN UNDANGAN NEGERI SABAH YANG KETUJUH BELAS

PENGGAL KEDUA

PROKLAMASI

BAHAWASANYA Fasal (1) Artikel 21 Perlembagaan Negeri Sabah memperuntukkan bahawa Yang di-Pertua Negeri Sabah boleh dari semasa ke semasa memanggil Dewan Undangan Negeri bersidang:

OLEH HAL YANG DEMIKIAN, maka saya, TUN DATUK SERI PANGLIMA (DR) MUSA BIN HAJI AMAN, Seri Maharaja Mangku Negara, Panglima Setia Mahkota, Seri Panglima Darjah Kinabalu, Darjah Seri Paduka Mahkota Brunei, Darjah Gemilang Seri Melaka, Darjah Yang Mulia Bintang Kenyalang Sarawak, Panglima Gemilang Darjah Kinabalu, Johan Mangku Negara, Jaksa Pendamai Yang di-Pertua Negeri Sabah adalah dengan ini memanggil Dewan Undangan Negeri Sabah supaya bersidang dan MENETAPKAN 23, 27, 28, 29 dan 30 April 2026 pada pukul **SEPULUH PAGI** sebagai tarikh dan masa bagi mengadakan MESYUARAT PERTAMA dalam PENGGAL KEDUA Dewan Undangan Negeri Yang KETUJUH BELAS bertempat di Dewan Mesyuarat, Aras 4, Bangunan Dewan Undangan Negeri Sabah.

PROKLAMASI - (*samb.*)

DIKELUARKAN dengan tandatangan saya dan Mohor Kerajaan Negeri Sabah pada hari ini 12 haribulan Mac 2026.



TUN DATUK SERI PANGLIMA (DR) MUSA BIN HAJI AMAN,

Yang di-Pertua Negeri Sabah.

Dengan Perintah Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sabah,

DATUK SERI PANGLIMA HAJI HAJIJI BIN HAJI NOOR,

Ketua Menteri Sabah.

